

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN**  
**&**  
**MAJLIS MENGANGKAT SUMPAH JAWATAN**  
**AHLI-AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG SESI 2016/2017**  
**PADA HARI SELASA, 4 OKTOBER 2016, PUKUL 8.00 MALAM**  
**DI BILIK MESYUARAT SENAT, BANGUNAN CANSELERI,**  
**UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Saudara pengacara majlis;

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr.Yusserie Zainuddin,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);  
  
Profesor Dr. Zulkifli Yaakob,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
  
Encik Abd Hamid Majid,  
Pendaftar;  
  
Encik Zainudin Othman,  
Bendahari;  
  
Haji Ruslan Che Pee,  
Ketua Pustakawan;  
  
Profesor-profesor, Dekan dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua ketua Pusat Tanggungjawab;  
  
Yang Dipertua dan Ahli ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP  
Sesi 2016/2017;

Barisan mantan ahli Majlis Perwakilan Pelajar UMP Sesi 2014/2015;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, izin dan kurnia-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis pada malam ini.*
  
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2016/2017 atas mandat yang telah diberikan kepada anda oleh warga mahasiswa UMP melalui proses pemilihan pada 29 September 2016 yang lalu.

3. Saya percaya bahawa pengalaman sepanjang proses pemilihan tersebut yang bermula dengan penamaan calon yang diikuti kempen, pengundian, pengumuman keputusan dan seterusnya pembentukan kabinet memberikan pendedahan yang cukup bermakna dan bermanfaat buat saudara dan saudari, khususnya dalam konteks profesionalisme pengurusan organisasi.
4. Profesionalisme inilah yang wajar diangkat sebagai *definitive feature* sebuah MPP yang matang dari segi perwatakan, sikap dan kepimpinannya. Agenda profesionalisme tersebut sewajarnya menjadi tunjang keberkesanan peranan dan kecekapan operasi MPP sebagai wahana perhubungan rasmi warga mahasiswa dan pihak pengurusan Universiti.
5. Oleh yang demikian, adalah penting untuk supaya komunikasi dan interaksi antara MPP dan pihak pengurusan terus diharmonikan dalam semangat saling hormat-menghormati dari semasa ke semasa.

6. Kematangan kepimpinan sedemikian, yang dicirikan oleh diplomasi, konferensi dan kesusilaan sewajarnya diangkat sebagai watak, budaya dan citra MPP secara konsisten. Kematangan tersebut telah pun dibuktikan oleh kepimpinan MPP sesi 2015/2016 sebelum ini melalui pelbagai saluran rundingan dan musyawarah yang harmoni dan profesional dengan pihak pengurusan.

### **MEMAKNAKAN KEMATANGAN KEPIMPINAN**

7. Saudara dan saudari sekalian,

Kabinet MPP sesi 2016/2017 ini menyaksikan kombinasi muka lama dan baharu bagi menunaikan amanah kepimpinan yang dimandatkan oleh warga mahasiswa melalui proses pemilihan baru-baru ini. Kombinasi tersebut perlu dilihat sebagai satu kelebihan dan kekuatan yang membolehkan pendekatan dan dasar MPP terus dapat disetarakan dengan aspirasi strategik UMP.

8. Sehubungan dengan itu, cabaran pertama kepada kepimpinan MPP 2016/2017 ialah untuk membentuk sinergi yang ampuh dalam kalangan ahli MPP tanpa mengira muka lama atau muka baru, wakil umum atau wakil fakulti mahu pun wakil UMP Pekan atau UMP Kampus Gambang sebagai satu pasukan yang mantap, cekap, berkesan dan komited.
9. Dalam konteks ini, sukacita saya menyarankan supaya proses pembentukan pasukan dan sinergi organisasi MPP tersebut disegerakan pelaksanaannya secara terarah dalam kerangka fasa yang khusus yang dibahagikan menurut garis masa penggal kepimpinan anda sepanjang 12 bulan yang akan datang.
10. Justeru, peringkat-peringkat pembentukan pasukan (*team formation*) ini perlu difahami berdasarkan teknik dan pendekatan strategik secara khusus. Antara teknik praktikal yang kerap dirujuk oleh pakar pembangunan organisasi dan boleh diteroka lanjut anda sekalian ialah model *Forming*, *Storming*, *Norming*, *Performing* dan *Adjourning* yang dikemukakan oleh Bruce Tuckman pada tahun 1965.

11. Keupayaan MPP 2016/2017 untuk mewujudkan pasukan pemimpin yang mantap dengan sinergi yang ampuh membolehkan tanggungjawab kepimpinan anda dapat ditunaikan dengan lebih berkesan tanpa perasaan prejudis dan curiga. Apa yang lebih utama pada hemat saya ialah keupayaan MPP untuk berperanan sebagai suara mahasiswa secara profesional tanpa dipengaruhi sebarang sentimen negatif sama ada dalam atau luar kampus.

### **AKAUNTIBILITI KEPIMPINAN**

12. Saudara dan saudari sekalian,

Dengan kematangan yang mendasari kepimpinan anda, maka jelaslah bahawa MPP merupakan satu *training ground for statesmanship*, di mana anda perlu belajar untuk bertanggungjawab (*accountable*) terhadap sebarang keputusan yang dibuat dan tindakan yang diambil.

13. Justeru, pemimpin mahasiswa yang bersifat *statesman* atau negarawan yang matang pastinya bijaksana berperanan seiringan dengan pihak pengurusan untuk melestarikan iklim kampus yang sejahtera dan kondusif dalam kerangka Pelan Strategik UMP 2016-2020. Kebijaksanaan dan kesedaran inilah yang sebenarnya memaknakan sebagai pertanggungjawaban anda sebagai seorang individu dan pemimpin yang matang.
14. Dengan pertanggungjawaban tersebut, maka MPP 2016/2017 sewajarnya berupaya mengkomunikasikan dasar-dasar utama di peringkat Universiti ini dan kerajaan kepada para mahasiswa di peringkat akar umbi dengan kefahaman yang jelas, tuntas dan benar.
15. Maka dengan itu, jelaslah bahawa satu lagi dimensi cabaran kepimpinan MPP 2016/2017 ialah untuk menyuburkan intelektualisme dan kebijaksanaan dalam konteks pemikiran dan tindakan mahasiswa UMP yang terdedah dengan lambakan maklumat di alam digital yang kerap bercampur aduk antara yang benar dan palsu.

## **KEMATANGAN MELALUI PARLIMEN MAHASISWA**

16. Saudara dan saudari sekalian,

Saya dan pihak pengurusan Universiti turut berpandangan bahawa cabaran penyuburan intelektualisme dan kebijaksanaan dalam kalangan mahasiswa wajar diberikan perhatian khusus secara terarah melalui penglibatan konstruktif MPP dan para pemimpin mahasiswa yang lain.

17. *Education alone does not define intelligence.* Mengetahui sesuatu pula tidak terus serta-merta menjadikan seseorang itu bijaksana. Dalam konteks ini, sesuatu perlu dilakukan untuk merealisasikan kematangan intelektualisme dan keunggulan kebijaksanaan pada setiap segmen komuniti mahasiswa UMP secara berstuktur.

18. Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan gagasan pengwujudan Parlimen Mahasiswa di UMP oleh MPP sesi 2016/2017. Justeru, kepimpinan MPP 2016/2017 perlu memulakan langkah strategik bagi merealisasikan gagasan tersebut menurut acuan dan rekabentuk yang unik untuk UMP berdasarkan dapatan perbandingan pengalaman dan penandaan aras amalan Parlimen Mahasiswa di institusi-institusi lain.
  
19. Sekiranya gagasan tersebut dapat direalisasikan oleh kepimpinan MPP Sesi 2016/2017, saya dan pihak pengurusan ingin melihat kerangka pelaksanaannya yang terstruktur dengan baik dengan budaya penghujahan yang berkualiti tinggi. Justeru, bagi memastikan kewujudannnya secara mampan, maka Parlimen Mahasiswa ala-UMP ini sewajarnya diinstitusikan dengan kemas untuk manfaat generasi mahasiswa UMP yang seterusnya.

## **PENGHARGAAN KEPADA MPP SESI 2014/2015**

20. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada barisan MPP Sesi 2015/2016 atas perkhidmatan dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang penggal kepimpinan mereka.

21. Saya yakin, pengalaman berkhidmat dalam penggal kepimpinan MPP yang lalu telah mendidik saudara dan saudari sekalian dalam banyak perkara terutamanya dalam aspek kematangan akal fikiran dan tindakan sebagai individu dewasa yang bertanggungjawab.

## **KATA PENUTUP**

22. Tuan-tuan dan puan-puan,

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam memastikan urusan pemilihan dan pelantikan MPP Sesi 2016/2017 daripada awal hingga saat ini berjalan dengan sempurna.

23. Saya berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada Universiti Malaysia Pahang dan seluruh warganya dengan naungan kecemerlangan, keharmonian dan kejayaan, *Amin.*

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*